



**MAJLIS DAERAH MERSING
NO.1, JALAN TUN DR ISMAIL
86800 MERSING, JOHOR.**

Permohonan yang berkecualan adalah dipelawa dan keutamaan akan diberikan kepada Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan :

SKIM PERKHIDMATAN	:	AKAUNTAN (Bil. Kekosongan : 1)
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEWANGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARAF JAWATAN	:	TETAP
GREED	:	WA41

JADUAL GAJI

<u>GREED</u>	<u>JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM</u>
WA41	RM2,820.00 - RM9,585.00

SYARAT KELAYAKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji Permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00);

atau

- (ii) lulus peperiksaan akhir Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji Permulaan ialah pada Gred WA41 : RM2,820.00);

atau

- (iii) lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA).

(Gaji Permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00);

[Senarai Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan di perenggan 1 (c)(ii) adalah seperti di **Lampiran A**]

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang - kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Akauntan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Akauntan, Gred WA41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan
 - b) had umur perlantikan :
 - i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii) berumur kurang drri 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur perssraan paksa 60 tahun.